

21/09/2002

Meneroka sempada baru

EKONOMI negara telah kembali kukuh dalam tempoh separuh pertama tahun ini, setelah mengalami pertumbuhan negatif dalam tempoh separuh kedua 2001, didorong oleh kecergasan sumber pertumbuhan dalam negeri.

Pemulihan ketara ini telah berjaya mengurangkan kesan negatif ke atas ekonomi berikutan daripada sektor ekonomi luar yang lemah.

Dalam tempoh tersebut, asas makroekonomi semakin bertambah mantap dengan akaun imbalan luar terus mencatat lebihan, rizab antarabangsa turut meningkat ketara, manakala kadar inflasi dan pengangguran kekal rendah.

Sektor korporat dan perbankan juga mencatat prestasi yang kukuh. Kesemua ini membolehkan negara lebih bersedia untuk berdepan dengan persekitaran luar yang kian mencabar.

Oleh yang demikian, ekonomi Malaysia dijangka mencatat pertumbuhan yang lebih tinggi dalam lingkungan 4 peratus pada tahun ini, melebihi kadar 0.4 peratus yang dicapai pada tahun 2001.

Dalam usaha kita melangkah ke hadapan, pertumbuhan ekonomi negara hendaklah terus dijana oleh kegiatan ekonomi dalam negeri yang lebih dinamik, memandangkan persekitaran sektor luar masih tidak menentu.

Pertumbuhan ekonomi negara telah terlalu lama bergantung kepada pelaburan dan perdagangan luar yang sentiasa dipengaruhi oleh turun naik kitaran perniagaan di negara-negara rakan utama dagangan dan pelaburan kita.

Kini, tibalah masanya untuk kita menyusun semula strategi pertumbuhan bagi mengurangkan pergantungan keterlaluan kepada sektor luar dan mengambil inisiatif untuk meneroka dengan lebih gigih sumber pertumbuhan dalam negara.

Sesungguhnya, ini menuntut anjakan paradigma dalam pendekatan kita menguruskan ekonomi negara.

Kita perlu melipatgandakan pelaburan domestik dalam bidang baru dan yang berpotensi, khususnya dalam sektor perkhidmatan seperti pelancongan, pendidikan, pengangkutan dan kesihatan, di samping menjadikan sektor pertanian sebagai jentera pertumbuhan ketiga.

Sektor swasta hendaklah mengambil alih semula peranan utamanya sebagai peneraju pertumbuhan ekonomi dalam negeri. Mereka mesti bijak dan bersedia untuk lebih dinamik serta mampu menjadi jentera penggerak pertumbuhan negara.

Mereka mesti meningkatkan pelaburan, berani meneroka frontier baru dan meluas lagi pasaran, mengeluarkan produk bertaraf dunia serta berusaha gigih untuk menjadi lebih kompetitif.

Dalam hubungan ini, Kerajaan sentiasa komited untuk menyokong sektor swasta ke arah merealisasikan kesemua usaha dan inisiatif ini.

Kerajaan telah dan akan terus menyediakan infrastruktur dan insentif yang diperlukan, di samping sokongan pentadbiran bagi memastikan persekitaran perniagaan yang lebih kondusif dan berdaya saing.

Anjakan dalam pendekatan dasar ini akan memastikan pertumbuhan ekonomi negara yang lebih stabil dan mapan dapat dicapai dalam tempoh sederhana dan panjang.

Namun, kejayaan ini hanya dapat dikecapi sekiranya segenap lapisan rakyat sanggup bekerja lebih keras, berdiri teguh dan memberikan sokongan padu dalam menghadapi tugas yang berat dan mencabar ini.

Saya yakin dengan sokongan yang tidak berbelah bagi dari semua pihak, kita tentunya akan dapat menikmati pertumbuhan dan pembangunan serta

membawa negara ke mercu kemakmuran yang lebih gemilang.

Laporan Ekonomi 2002/2003 ini adalah Jilid ke-31 dalam siri penerbitannya. Laporan ini menyediakan penilaian prestasi dan prospek ekonomi Malaysia serta isu dan cabaran yang dihadapi oleh negara.

Ia turut menggariskan dasar Kerajaan dalam menangani isu dan cabaran tersebut. Saya ingin merakamkan penghargaan kepada mereka yang terbabit dalam menyedia dan menerbitkan Laporan Ekonomi ini.

Dr Mahathir bin Mohamad

Menteri Kewangan

Kuala Lumpur

20 September 2002